

11 DEC 2002

PM KE JEPUN UNTUK LAWATAN DUA HARI

SEPANG, 11 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Tokyo malam ini untuk lawatan dua hari ke Jepun sempena ulangtahun ke-20 Dasar Pandang Ke Timur Malaysia.

Antara yang mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) ialah timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, isterinya Datin Seri Endon Mahmood, menteri-menteri kabinet dan para penyokong Barisan Nasional.

Pesawat Penerbangan Malaysia yang membawa Dr Mahathir dan rombongannya berlepas kira-kira 11.35 malam.

Selain mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi, Dr Mahathir akan menghadap Maharaja Akihito dan menemui ahli-ahli perniagaan dan pemimpin korporat Jepun.

Semasa di Tokyo, Perdana Menteri juga akan menyampaikan ucap tama pada seminar sempena memperingati Dasar Pandang Ke Timur yang diperkenalkan pada 1982 anjuuran Kementerian Hal Ehwal Luar Jepun dan kumpulan media, Nihon Keizai Shinbun.

Dr Mahathir turut dijadualkan menyampai ucap tama pada simposium bertajuk "Islam: Memupuk Keamanan" di United Nations University.

-- BERNAMA

MAM MAM NAK